



**KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN**

**PEMANTAUAN PELAKSANAAN PROSEDUR OPERASI STANDARD BAGI
PROTOKOL PENGURUSAN PENONTON LIGA BOLA SEPAK MALAYSIA (MFL)
OLEH YB MENTERI BELIA DAN SUKAN DI STADIUM SULTAN IBRAHIM,
JOHOR**

YB Dato' Sri Reezal Merican Naina Merican, Menteri Belia dan Sukan mengadakan lawatan pemantauan pelaksanaan Prosedur Operasi Standard (SOP) Protokol Pengurusan Penonton di Stadium Sultan Ibrahim, Johor Bahru hari ini.

Pemantauan ini merupakan sebahagian daripada keperluan SOP Sukan dan Rekreasi bagi kehadiran penonton ke stadium seperti mana diumumkan oleh YB Menteri Kanan Pertahanan pada 16 Mac 2021 lalu. Kerajaan telah meluluskan permohonan Kementerian Belia dan Sukan (KBS) bagi membenarkan kehadiran penonton ini bermula 2 April 2021 dan ia akan dimulakan secara percubaan atau *proof of concept* (POC).

Ia melibatkan dua buah lokasi perlawanan iaitu di Stadium Sultan Ibrahim bagi perlawanan di antara Johor Darul Takzim menentang Melaka United FC serta Stadium KLFA bagi perlawanan Kuala Lumpur FC menentang Sabah FC.

"Bagi perlawanan yang diadakan pada malam ini, KBS turut menjemput Majlis Keselamatan Negara (MKN), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk melihat sendiri dan menilai keberkesanan Protokol Pengurusan Penonton khususnya dalam aspek pergerakan, kemasukan dan penyuraian penonton semasa perlawanan berlangsung," kata YB Dato' Sri Reezal Merican.

"Tahniah pihak Malaysia Football League (MFL) yang telah dapat menyediakan Protokol Pengurusan Penonton yang cukup komprehensif dan berkesan. Saya amat berpuas hati dan dapat melihat sendiri pematuhan SOP yang diuruskan oleh pihak pengurusan stadium JDT malam ini. Saya berharap ia akan menjadi penanda aras kepada usaha KBS meyakinkan MKN dan KKM untuk memberikan kebenaran bagi kemasukan penonton ke stadium untuk perlawanan-perlawanan sukan lain pada masa akan datang," tambah beliau.

YB Dato' Sri Reezal Merican turut menyatakan rasa teruja beliau yang akhirnya dapat membawa "pemain ke-12" hadir ke stadium seperti mana perancangan pihak KBS. Selain itu, beliau turut menghargai sokongan serta kerjasama para peminat bola sepak yang sentiasa memahami situasi semasa akibat penularan COVID-19.

Dalam masa yang sama, YB Dato' Sri Reezal Merican turut mengingatkan para peminat bola sepak agar mematuhi SOP yang telah ditetapkan pada setiap masa. Ia bagi memberi keyakinan kepada pihak berkuasa bahawa sektor sukan dan rekreasi sentiasa mengutamakan keselamatan dan memastikan penularan COVID-19 tidak berlaku.

Sebelum ini, Mesyuarat Teknikal MKN pada 16 Mac lalu telah bersetuju bagi menetapkan kehadiran penonton ke stadium di kawasan PKP Bersyarat (PKPB) sebanyak 10 peratus kapasiti penonton atau 2,000 orang, mana yang lebih rendah dengan kawalan penyeliaan sepanjang masa. Bagi kawasan PKP Pemulihan (PKPP) pula, sebanyak 25 peratus kapasiti penonton atau 8,000 orang, mana yang lebih rendah dengan kawalan penyeliaan sepanjang masa.

Maklumat terperinci berkaitan protokol pengurusan penonton boleh diperolehi di laman web KBS <http://www.kbs.gov.my/sopsukanrekreasi> dan MKN di pautan <https://www.mkn.gov.my/web/ms/sop-pkp-pemulihan/>.

Selain itu, Bilik Gerakan SOP Sektor Sukan dan Rekreasi juga boleh dihubungi melalui e-mel sopspportrec@kbs.gov.my atau panggilan telefon ke 03-8871 3585 / 03-8871 3246 pada Isnin hingga Jumaat dari jam 8.00 pagi 5.00 petang (kecuali cuti umum).

KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN
2 APRIL 2021

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Belia dan Sukan
| Tel : 03-8871 3405 / 3436